

# Bantuan untuk Rumah Cheshire, Kemudahan Untuk Orang Kurang Upaya

(Hanya untuk orang bukan Islam)



Saudara Mickey Lui dan Encik Lawrence semasa penyerahan projek. ©2023 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved.

Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire di Kota Kinabalu, Sabah Malaysia, baru-baru ini menerima bantuan daripada Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir Malaysia untuk mengubah suai dan membesarkan salah satu bangunannya untuk dijadikan surau dan pusat kraftangan baharu untuk penghuninya. Pengubahsuaian dan pembesaran ini memanfaatkan banyak penghuni di kemudahan itu.

“Kami telah lama bekerjasama dengan badan amal LDS, bermula dari Kuala Lumpur pada 2008 dengan projek kerusi roda,” kata Encik Lawrence, presiden Rumah Cheshire. “Kami sangat berterima kasih atas sokongan anda untuk Perkhidmatan Rumah Cheshire.

Hari ini kami akan menjalankan penyerahan projek ini yang telah berjaya disiapkan dan kami dapat melihat hasilnya.”

Jennifer Liew, pengurus Rumah Cheshire, berkata, “Kami sangat gembira atas bantuan LDS untuk projek serahan kami hari ini. Bangunan ini telah dibina pada tahun 1990-an dan seiring masa ia mengalami beberapa masalah, terutamanya kebocoran bumbung dan saluran hujan.”



Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire Sabah



Bumbung biru baharu memastikan semuanya kering



Laluan pejalan kaki kini ada bumbung, menjadikan kerja di dobi lebih baik



Hiasan pokok



Bilik kraf yang baru diubah suai



Salah satu van mobiliti Rumah Cheshire yang berkhidmat untuk penduduk dan komuniti

Masa dan faktor lain merosakkannya, tetapi semasa Covid 19 Rumah Cheshire terpaksa ditutup kerana bahayanya kepada para penduduk. Misionari kemanusiaan, Elder dan Sister Reese, mengetahui keperluan pusat komuniti yang berharga ini dan dapat bekerjasama dengan organisasi untuk memberikan sokongan melalui dana kemanusiaan Gereja.



Acara penyerahan di Rumah Cheshire ©2023 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved.

Sebagai sebahagian daripada pembesaran dan pengubahsuaian, tingkap gelangsa telah dipasang dan bumbung dan saluran yang bocor telah dibaiki. "Kami mahu penghuni boleh datang ke pusat dan membuat kraf tangan mereka dengan bebas," kata Jennifer. "Adanya ruang yang lebih besar ini, mereka boleh membuat kraftangan mereka di sana dan menjualnya tanpa berulang-alik."



Inventori kraftangan yang dibuat oleh penduduk Rumah Cheshire. ©2023 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved.

"Salah seorang penghuni membuat kerja manik. Semasa Covid, emosinya tertekan kerana tidak dapat menjual sebarang karya maniknya. Kini setelah adanya ruang khusus ini untuk memamerkan dan menjual kraftangan, ia berubah, dan dia beransur-ansur menjadi lebih baik. Kami berharap dengan adanya kemudahan seperti ini, mereka akan dapat memperoleh sedikit pendapatan yang juga meningkatkan nilai diri mereka, yang sangat penting bagi mereka. Kami amat berterima kasih atas bantuan ini."

Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire ialah sebuah organisasi bukan untung swasta yang menyediakan penjagaan untuk orang kurang upaya tanpa mengira bangsa, agama dan budaya. Rumah Cheshire menyediakan perkhidmatan yang berharga

kepada orang kurang upaya di Sabah, termasuk penjagaan kediaman, latihan kemahiran dan pendidikan untuk menggalakkan keberdikarian. Program yang disediakan untuk melatih penghuni dalam kemahiran berguna termasuk sekolah bakeri, perkhidmatan dobi, kedai kraftangan dan kedai penjimatan.

Kediaman ialah program utama, tetapi Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire juga sediakan kumpulan sokongan untuk orang yang tinggal dalam komuniti dan datang ke Rumah Cheshire untuk sesi mengenai pelbagai topik seperti keberdikarian. Di samping itu, sebuah sekolah taska dikendalikan oleh kakitangan dan sukarelawan yang sangat prihatin.

Menjaga yang miskin dan memerlukan adalah kepercayaan atas Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Dibina di atas atas tanggungjawab peribadi, sokongan komuniti, keberdikarian dan kemampanan, usaha kemanusiaan direka untuk memberi individu dan komuniti alat yang mereka perlukan untuk memperbaiki keadaan mereka sendiri dengan cara yang kekal dan bermakna.